

06 OCT 1999

KARPAL MEMANG WAJAR DIKENAKAN TINDAKAN, KATA LING

UALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Peguam Negara wajar menimbangkan tindakan undang-undang terhadap peguam Karpal Singh kerana membuat dakwaan yang membayangkan kerajaan cuba meracun Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Katanya dakwaan Karpal Singh itu memang patut dipandang serius kerana ia menjejaskan kredibiliti pemimpin negara ini di mata dunia.

"Sesiapa yang buat salah, sesiapa yang buat tuduhan palsu yang menyebabkan negara hilang beberapa peluang (ekonomi)...seperti kejatuhan dalam kedatangan pelancong atau pelabur, adalah tindakan yang perlu dipandang serius," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bahawa kerajaan sedang menimbangkan untuk mengenakan tindakan undang-undang terhadap Karpal.

Antara lain Dr Mahathir pada sidang berita sekembalinya dari Zimbabwe berkata adalah suatu fitnah untuk membuat dakwaan bahawa kerajaan meracun bekas timbalan perdana menteri itu, yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana rasuah dan kini dibicarakan dalam kes liwat.

Mahkamah Tinggi pada 10 Sept lalu telah mengeluarkan arahan supaya Anwar diberi pemeriksaan perubatan setelah peguam belanya itu mendakwa beliau mengalami keracunan arsenik.

Bagaimanapun, semalam, mahkamah berkenaan diberitahu bahawa ujian perubatan yang dijalankan di sini dan luar negeri, tidak menemui tanda-tanda klinikal bahawa Anwar mengalami keracunan arsenik akut atau kronik.

-- BERNAMA

NM RON